

23/10/2002

Gunaratna enggan mohon maaf

JOHOR BAHRU, Selasa - Rohan Gunaratna, penulis buku Inside al-Qaeda - Global Network of Terror bertegas tidak mahu memohon maaf kepada kerajaan Malaysia kerana beliau tidak pernah mengaitkan Barisan Nasional (BN) dengan al-Qaeda.

Bagaimanapun beliau sedia mengeluarkan nama BN dari buku itu sekiranya diminta berbuat demikian oleh kerajaan negara ini.

Berdasarkan muka surat 197 buku itu, Gunaratna mendakwa beliau hanya menyebut Moro Islamic Liberation Front (MILF) mempunyai hubungan dengan beberapa ahli parti politik tertentu di Malaysia dan bukannya al-Qaeda.

"Justeru saya mahu ahli politik Malaysia yang membuat tohmahan terhadap tulisan saya memohon maaf kerana perkara itu (kaitkan BN dengan al-Qaeda) tidak pernah disebut dalam buku itu.

"Kenapa saya perlu mohon maaf kerana saya tidak melakukan kesalahan. Ahli politik Malaysia sewajarnya mohon maaf kerana mereka melakukan kesilapan," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau semalam juga sudah menghantar surat serta senaskah buku itu kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menerusi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura.

Ditanya sama ada tindakan mengaitkan individu tertentu dalam BN dengan MILF, Gunaratna berkata: "Saya ada bukti berhubung perkara itu."

Isu itu tercetus apabila dokumen Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengandungi carta yang mendakwa rangkaian aktiviti al-Qaeda di Asia Tenggara diveduk dari buku tulisan Gunaratna itu.

Mengikut laporan akhbar, carta menunjukkan rangkaian al-Qaeda mengandungi antaranya Kumpulan Militan Malaysia (KMM), Jemaah Islamiah (JI), Abu Sayyaf dan MILF.

Carta berkenaan turut menunjukkan MILF meneruskan hubungan politik dan ideologinya dengan BN, organisasi dan pihak lain.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap tindakan Gunaratna mengaitkan BN dengan kumpulan al-Qaeda sebagai satu tindakan bodoh dan menunjukkan penulisnya tidak mengetahui apa yang ditulis.

"Orang macam inilah yang merosakkan segala-galanya. Mereka bodoh, tak tau apa, tahu tulis saja, pasal nak kena tepuk di belakang oleh orang Barat, orang seperti ini kaki ampu dan saya tak hormat langsung orang yang macam ini," kata Dr Mahathir.